



JAS PULAU PINANG SERTAI KUTIPAN PAKAIAN TERPAKAI ANJURAN TNB PULAU PINANG

KEPALA BATAS, 25 NOVEMBER 2024: JAS Pulau Pinang telah dijemput menyertai Kempen Kutipan Pakaian Terpakai anjuran TNB Pulau Pinang yang diketuai oleh BSO Services Negeri Pulau Pinang bersama PELITAWANIS TNB Cawangan Pulau Pinang yang berkolaborasi dengan beberapa persatuan penduduk, masjid dan sekolah di sekitar Seberang Perai Utara.

Sebanyak 10.1 tan metrik (MT) pakaian terpakai berjaya dikumpulkan pada hari ini dan akan dihantar kepada NGO terpilih dan Kilang Life Line untuk dikitar semula. Program anjuran TNB ini berlangsung secara serentak di seluruh negeri dengan target kutipan sebanyak 75MT di mana TNB Pulau Pinang telah mengutip sebanyak 39 MT iaitu kutipan tertinggi setakat ini.

JAS Pulau Pinang merakamkan ucapan terima kasih di atas jemputan untuk menjayakan program ini dan sentiasa menyokong usaha pemeliharaan alam sekitar di negeri ini.

#NRES

#jabatanalamsekitar

#jaspulaupinang

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jaspnovenber2024

